

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Tumpuan kajian ini ialah untuk melihat faktor yang dominan yang mengganggu emosi pelajar dan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Seterusnya kajian ini ialah untuk melihat kaitan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan dan melihat apakah punca-punca gangguan emosi yang terpenting menyumbang kepada tingkahlaku kenakalan. Sampel kajian terdiri daripada 300 orang pelajar dari empat buah sekolah menengah di Zon Sentul, Kuala Lumpur. Pemilihan sampel dibuat secara rawak berstrata. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, manakala penganalisaan data menggunakan program SPSS-pc. Ujian-t, ANOVA Satu-hala, kolerasi Pearson dan regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan tahap gangguan emosi pelajar adalah pada tahap terganggu manakala tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan berada pada tahap rendah. Terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi antara jantina, etnik, tempat tinggal (asrama dan bukan asrama) dan tahap pendapatan ibu bapa. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara jantina, etnik, tempat tinggal dan pendapatan ibu bapa. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat kolerasi yang positif dan signifikan antara punca-punca gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Faktor akademik dan sekolah dan pendapatan ibu bapa merupakan penyumbang terpenting kepada tingkahlaku kenakalan.

## **EMOTIONAL DISTURBANCE AND ITS' RELATIONSHIP IN DELINQUENCY**

### **ABSTRACT**

The objective of this research is to identify the level of emotional disturbance and the level of the students' involvement in delinquency. The focus of this research is to identify the dominant factors influencing the students' emotion and their involvement in delinquency. This research further looks into the relationship between the level of emotional disturbance and the students' involvement in delinquency and to observe the prominent sources of emotional disturbance which contribute toward a student's involvement in delinquency. The sample of this research is taken from 300 form four students from four secondary schools in Sentul Zone, Kuala Lumpur. The students were selected using stratified random sampling. This research used questionnaires whereas the processing of data used programmes such as SPSS-pc. T-test, One-way ANOVA, Pearson correlation and multiple regression. The results of this research shows that the students emotional level is at a disturbed level whereas the level of the students involvement in delinquency is low. There is a significant difference between the level of emotional disturbance between gender, ethnic, place of living (hostel and non-hostel) and parents' income. The results of the research shows a significant and positive correlation between the causes of emotional disturbance with their behavioural in delinquency. Academic and school factors and parents' income forms the most important contribution towards delinquency.